

EPOKSI DAN BARANGAN KRAF

TG. EFANIZAM BIN TG. ISMAIL

96342444



IJAZAH SARJANA MUDA

SENIREKA LOGAM HALUS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

TAHUN 1996 / 2000

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Halaman Pemeriksa	i
Penghargaan	ii-iii
Sinopsis	iv-v
Metodologi Kajian	vi-vii
Hipotesis	viii
Objektif Kajian	ix

BAB 1

1.0 Pengenalan Epoksi Dalam Barangan Kraf

1.1 Definisi Tajuk	1
1.2 Definisi Epoksi	2-4
1.3 Definisi Barangan	5-6
1.4 Definisi Kraf	7

BAB 2

2.0 Sejarah Kewujudan Epoksi

2.1 Sejarah Kewujudan Epoksi dan Perkembangannya	8-11
2.2 Bidang Pengeluaran Epoksi	
2.2.1 Bidang Kimia	12
2.2.2 Bidang Logam	12
2.2.3 Bidang Saduran	14

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya saya telah berjaya menyiapkan tesis ini sebagai memenuhi sebahagian dari keperluan Ijazah Sarjana Muda Senilukis dan Senireka. Walaupun banyak dugaan dan masalah yang dihadapi sepanjang menjalankan penyelidikan dalam penghasilan tesis ini, Alhamdulillah dapat juga saya mengharunginya tanpa sebarang kesulitan.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Senireka Logam Halus terutamanya penasihat saya iaitu Puan Fuziah binti Kassim dan juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bimbingan, nasihat, tunjuk ajar dan teguran membina dalam usaha saya untuk menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengurus Bakarim Kreatif Sdn. Bhd. iaitu Tuan Haji Bakar bin Ishak dan Penyeliaanya Encik Shahrizanni Zaman bin Ahmad Akhir Zaman, kerana sudi membantu dan memberi kerjasama yang amat saya perlukan di dalam menjalankan penyelidikan tesis ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang banyak membantu dan memberi dorongan yang sewajarnya kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

SINOPSIS

Di dalam arus pembangunan Sains dan Teknologi masa kini, masih ramai masyarakat di negara ini yang tidak menyedari akan kepentingan dan kegunaan epoksi. Masyarakat hanya menganggap epoksi hanyalah digunakan sebagai bahan pelekat sahaja. Anggapan ini adalah tidak benar, epoksi bukan sahaja digunakan sebagai bahan pelekat, malah telah dieksploitasikan untuk mempelbagaikan fungsi dan kegunaannya mengikut arus kemajuan. Kebanyakan produk dari epoksi merupakan sebahagian bahan yang terpenting di dalam kehidupan kita seharian. Ini mungkin disebabkan ianya mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri.

Melalui penulisan tesis ini, persoalan yang akan diketengahkan di dalam pengkajian penulisan adalah:

- ❖ Bagaimana untuk menghasilkan produk dari epoksi.
- ❖ Permasalahan yang sering timbul semasa penghasilan produk dari epoksi.
- ❖ Cara-cara atau langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.
- ❖ Penjaminan kualiti bagi produk dari epoksi.

Hasil daripada Penyelidikan dan Kajian yang dibuat, pembaca dapat mengetahui, apakah yang dimaksudkan dengan epoksi dan kepentingannya di dalam kehidupan kita.

1.1 DEFINISI TAJUK

Kepentingan Epoksi dalam barangan kraf merupakan satu senario yang tidak dapat disembunyikan. Pelbagai barangan kraf sekarang mempunyai hubungkait dengan Epoksi.

Walau bagaimanapun apakah kaitan yang rapat antara Epoksi dalam barangan kraf. Pengkajian ini untuk mengesan sejauh manakah Epoksi memainkan peranan penting dalam barangan kraf. Senario ini adalah satu pengkajian persoalan yang diajukan kepada masyarakat dalam industri barangan kraf.